

Headline	Proton sumbang Exora kepada dua NGO		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 May 2012	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	30	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	205 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,346



Proton sumbang Exora kepada dua NGO

PROTON Holdings Bhd. (Proton) baru-baru ini menyumbang sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Proton Exora masing-masing kepada dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Majlis AIDS Malaysia (MAC) dan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (Peyatim).

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Proton Edar Sdn. Bhd. (Proton Edar), Ahmad Suhaimi Mohamad Anuar kepada Presiden MAC, Tan Sri Mohd. Zaman Khan dan Presiden Peyatim, Datuk Dr. Tengku Mahmud Mansor di Pusat Kecemerlangan Proton (COE) di Subang Jaya, Selangor.

Sebelum ini, Proton memang memainkan peranan aktif dalam memberi sumbangan untuk tujuan kebajikan dan penajaan kejohanan berprestij. Antaranya, Yayasan Institut Jantung Negara, MERCY Malaysia, Malaysian Relief Agency (MRA), Yayasan Jantung Malaysia, Le Tour de Langkawi, Piala Thomas dan Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia.

"Proton mungkin tidak berada di peringkat ini, hari ini tanpa sokongan rakyat Malaysia. Kami juga mahu sentiasa memberi sumbangan kepada masyarakat. Melalui kerjasama dengan MAC dan Peyatim, ia menawarkan platform yang memberi manfaat kepada kelompok

masyarakat berbeza," kata Suhaimi.

Menurut Zaman Khan, Proton Exora itu akan digunakan sebagai pengangkutan

kakitangan MAC ke seluruh negara bagi melaksanakan aktiviti seperti ceramah HIV dan pencegahan AIDS, pengagihan barangan serta risalah pendidikan.

Tengku Mahmud pula menyatakan

bahawa sukarelawan Peyatim akan menggunakan Proton Exora untuk mengadakan aktiviti serta menziarah rumah-rumah anak yatim di Malaysia. Sebelum ini, pihaknya menggunakan van sumbangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk menjayakan aktiviti pertubuhan.



SUHAIMI (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci Proton Exora kepada Zaman Khan.



PROTON menyerahkan dua buah Exora kepada MAC dan Peyatim di Pusat Kecemerlangan Proton (COE), Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.